



إدارة ترقية الإسلام في ماليزيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**TEKS KHAS KHUTBAH JUMAAT  
SEMPENA PERINGATAN HARI POLIS KE-210  
“Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada”**

**“INTEGRITI MELONJAK KUALITI HIDUP”**

(24 Mac 2017 / 25 Jamadilakhir 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ

يَنْظُرُونَ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا﴾ سورة الأحزاب: ٢٣

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi  
sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT  
dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan  
meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat  
keberkatan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan  
khutbah yang bertajuk “Integriti Melonjak Kualiti Hidup”.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Integriti seseorang individu adalah manifestasi daripada keperibadian dan tingkah lakunya setelah mengharungi dan mengalami proses pendidikan, pelajaran dan sosialisasi yang agak panjang. Bila mana kita membicarakan soal integriti, maka akan tercetuslah pelbagai persepsi dan pendapat di kalangan kita terutamanya dalam kalangan penjawat awam. Isu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah, penyelewengan walaupun dilakukan oleh segelintir individu sahaja namun tempiasnya tetap terkena kepada keseluruhan penjawat awam yang lain.

Sekalipun elemen-elemen integriti untuk peningkatan kualiti kerja telah lama diterapkan ke dalam Perkhidmatan Awam melalui pelbagai kaedah seperti akta, peraturan, pekeliling, auditan dan kempen seperti Piagam Pelanggan; Hari Bertemu Pelanggan; Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja; Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Berintegriti; Kempen Bersih, Cekap, Amanah; Laporan Perisytiharan Harta; dan program penerapan Nilai-nilai Islam; namun segala dasar dan peraturan berkaitan tidak akan memberi makna sekiranya kita gagal menghayati dengan sepenuh hati. Bukankah Allah SWT ada menyatakan bahawa segala yang kita lakukan itu sentiasa diperhatikan dan dicatat. Firman Allah SWT dalam Surah at Taubah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ  
فِيَنبِّئِكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

**Maksudnya:** “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.

Ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa amalan integriti itu bermula dari dalam diri kita sendiri atas keyakinan bahawa segala apa yang kita lakukan

tidak terlepas daripada pengetahuan Allah SWT. Sekiranya keyakinan ini ada pada setiap individu, maka tidak mungkin mereka sanggup melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai integriti.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Penghayatan nilai integriti akan melonjak kualiti hidup seseorang itu kepada keutuhan akhlak, kewibawaan, dan ketakwaan manusia itu sendiri. Islam mengajar kita bagaimana untuk menghayati akhlak yang mulia dan terpuji yang diperjuangkan oleh baginda Rasulullah SAW sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

**Mafrumnya:** “*Daripada Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan (manusia dengan) akhlak yang mulia*”.

Sehubungan itu, sebagai seorang Islam, kita hendaklah benar-benar menghayati nilai-nilai integriti terutama sekali bagi mereka yang diberi amanah menjaga keselamatan dan kemaslahatan negara. Amat penting mereka ini menzahirkan sifat-sifat integriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh disiplin dan komited kerana ia merupakan tuntutan. Sebaliknya, jika ia tidak dihayati dan diamalkan, nescaya akan berleluasanya kemungkaran dan jenayah sehingga boleh menyebabkan kacau bilau dan huru hara sesebuah negara.

### **SIDANG HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Dalam konteks kepimpinan yang berintegriti hari ini, kita boleh mengambil contoh kepimpinan Sultan Muhammad Al-Fateh dan tenteranya yang berjaya menakluk Kota Konstantinopel. Sebenarnya, antara faktor besar yang menyumbang kejayaan tersebut adalah kesepaduan nilai integriti kepimpinan

dan nilai integriti sepasukan yang cukup kental. Ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad iaitu:

قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ بَشْرِ الْحُثَمِيُّ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَتُفْتَحَنَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ فَلَنِعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلَنِعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

**Mafhumnya:** "Berkata Abdullah bin Bisyr al-Khas'amiy daripada bapanya yang telah mendengar Nabi SAW bersabda: Konstantinopel (kini Istanbul) akan di buka (jatuh ke tangan tentera Islam), maka sebaik-baik Raja adalah Rajanya, dan sebaik-baik tentera adalah tentera itu".

Tuntasnya, tugas pasukan keselamatan bukan semata-mata menjaga keselamatan dan keamanan dari segi fizikal, tetapi mencakupi aspek yang lebih luas dari itu. Ini digariskan dalam lima matlamat Maqasid Syariah iaitu (i) menjaga agama, (ii) menjaga nyawa, (iii) menjaga akal, (iv) menjaga keturunan (v) dan menjaga harta benda.

Oleh yang demikian, pada hemat mimbar setiap kita yang diberi tanggungjawab seperti anggota polis perlu sentiasa berusaha memastikan kesemua matlamat Syarak ini dapat dicapai. Jika penghayatan nilai-nilai integriti ini ditinggalkan, ia akan memberi kesan negatif yang cukup besar dalam kehidupan individu dan masyarakat keseluruhannya. Antaranya **pertama**, berlaku penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan gejala rasuah. **Kedua**, mengancam keselamatan negara. Dan **ketiga**, hilang keredhaan Allah SWT dan keberkatan rezeki.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sempena **Peringatan Hari Polis ke-210**, marilah kita bersama-sama mendoakan kesejahteraan seluruh warga PDRM dan pasukan keselamatan di negara ini berada di dalam rahmat dan perlindungan Allah jua. Semoga mereka dikurniakan kekuatan iman dan berintegriti supaya dapat mencapai prestasi yang lebih cemerlang dan terus cekal berhadapan dengan apa jua cabaran yang mendatang. Mengakhiri khutbah pada hari ini, terdapat beberapa elemen

penting yang dapat menerap dan memperkukuhkan penghayatan serta pembudayaan nilai-nilai integriti dalam kehidupan kita, iaitu:

**Pertama:** Umat Islam hendaklah memantapkan pegangan iman dan menguatkan ketinggian sahsiah bagi memastikan terus istiqamah dengan sifat-sifat mahmudah dan integriti dalam diri.

**Kedua:** Umat Islam hendaklah menekankan aspek asuhan dan pendidikan yang mempunyai nilai-nilai murni dan berintegriti bermula dari peringkat awal usia lagi; dan

**Ketiga:** Penguatkuasaan undang-undang perlu terus dipergiatkan supaya masyarakat sedar akan kemudaratan pengabaian nilai-nilai integriti yang boleh mengancam keselamatan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿١﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ

النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢﴾

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat*”. (Surah an-Nisa:58)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ إِنَّ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَّرَ. وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ

اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلِكِنَا:  
كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دقرتوان اکوغ سلطان محمد کلیمَا  
وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ. أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ  
مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ  
لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ  
بِلَادِنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِّقْنَا جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ  
مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾  
﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.